

573:
PARLIMEN-BUKU

1975

KUALA LUMPUR, 2 APRIL (BERNAMA) -- KEMENTERIAN PELAJARAN TELAH MEMBENTUK SEBUAH JAWATANKUASA GUNA MELANCARKAN RANCANGAN BANTUAN BUKU-BUKU TEKS DAN MENGAJUI SEGALA MASALAH BERSANGKUTAN DENGAN PELAKSANAANNYA.

MENTERI BERKENAAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA SUATU TINJAUAN TELAH JUGA DIJALANKAN DI SELURUH NEGARA UNTUK MENDAPATKAN BUTIR-BUTIR LENGKAP MENGENAI KEPERLUAN BUKU-BUKU TEKS DI SEKOLAH-SEKOLAH.

MAKLUMAT TINJAUAN ITU TELAH DIBERIKAN KEPADA PARA PENERBIT BERKENAAN SEBAGAI PANDUAN SUPAYA BILANGAN BUKU YANG CUKUP DAPAT DICITAK.

DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN DALAM JAWAPAN BERTULIS KEPADA ENCIK OH KENG SENG (DAP-PETALING) YANG INGIN TAHU LANGKAH YANG TELAH DIAMBIL KERAJAAN UNTUK MENGATASI MASALAH KEKURANGAN BUKU-BUKU TEKS.

MENJAWAB SOALAN BERTULIS ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-KOTA MELAKA) DR. MAHATHIR BERKATA TINDAKAN PENARIKAN BALIK BIASISWA PELAJAR-PELAJAR YANG TERLIBAT DALAM TUNJUK-TUNJUK PERASAAN TAHUN LALU IALAH UNTUK MENYEDARKAN MEREKA BAHAWA KAUM PELAJAR BUKANLAH GOLONGAN ISTIMEWA DAN BEBAS DARI PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG NEGARA. -- BERSAMBUNG 1610/MD

574:

PARLIMEN-BUKU 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, TUGAS PELAJAR-PELAJAR IALAH MENUMPUKAN MASA DAN TENAGA KEPADA PELAJARAN DAN BUKAN UNTUK MENGELOLA KEGIATAN-KEGIATAN YANG BOLEH MENGANCAM KEAMANAN DAN KESELAMATAN NEGARA.

TINDAKAN MENARIK BALIK BIASISWA DISEBABKAN PELAJAR-PELAJAR TERSEBUT TELAH MELANGGAR SYARAT-SYARAT PERJANJIAN BIASISWA YANG TELAH MEREKA TANDATANGANI.

KERAJAAN BERHARAP DENGAN TINDAKAN ITU PARA PELAJAR AKAN SEDAH AKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA SEMASA BERADA DI SEKOLAH, MAKTAB ATAU MANA-MANA INSTITUSI PELAJARAN.

MENJAWAB SATU LAGI SOALAN ENCIK OH KENG SENG, DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TELAH MEMBUAT TAWARAN PERUBAHAN SEKIM GAJI BAGI GURU-GURU KATEGORI B1 DAN B2 KEPADA JAWATANKUASA BERTINDAK KEBANGSAAN KESATUAN-KESATUAN GURU MALAYSIA BARAT YANG MEWAKILI GURU-GURU TERSEBUT.

JAWATANKUASA ITU PADA PRINSIPNYA TELAH MENERIMA TAWARAN KERAJAAN TETAPI TERTAKLUK KEPADA BEBERAPA SYARAT TERTENTU. BERNAMA BERSAMBUNG 1615/MD

BERITA 574 (PARLIMEN-BUKU 2 KUALA LUMPUR)
BARISAN PENGHABISAN HARAP BACA -- BERNAMA 1615/MD